

30/06/1997

Bahasa Melayu cerah di PBB

Salbiah Ani

TOKOH bahasa dan sastera sependapat, bahasa Melayu cerah menjadi satu bahasa rasmi dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada masa akan datang.

Bagaimanapun ia memerlukan komitmen pelbagai pihak untuk menjalankan usaha berterusan dan bersungguh-sungguh, sebelum hasrat berkenaan boleh menjadi kenyataan.

Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Juhari Moain, berkata bahasa Melayu kini duduk di tangga kesembilan sebagai bahasa utama di dunia.

"Bahasa Melayu (loghat Indonesia) kini turut menjadi mata pelajaran utama di Australia," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Presiden UNGA, Tan Sri Razali Ismail, bahawa tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei perlu bekerjasama jika mahu bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam UNGA.

Razali yang dipilih sebagai Presiden ke-51 UNGA pada 18 September lalu, diminta mengulas kenyataan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang berharap bahasa Melayu akan menjadi salah satu bahasa rasmi dalam persidangan badan dunia itu suatu hari nanti. Kenyataannya itu dikeluarkan oleh akhbar tempatan berbahasa Melayu, baru-baru ini.

PBB kini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan lima lagi bahasa utama iaitu Perancis, Russia, China, Sepanyol dan Arab tetapi penggunaannya agak terhad.

Penggunaan lima bahasa tambahan kecuali Inggeris, cukup membebankan dari segi kewangan dan masa. Ini kerana setiap ucapan terpaksa diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Prof Ahmad Juhari berkata, kini sudah banyak tenaga profesional luar negara mempelajari bahasa Melayu di universiti tempatan, dan mereka boleh menyebarkan bahasa berkenaan sekembalinya ke negara masing-masing.

"Bagi saya hanya mereka yang tidak faham bahasa Melayu memandang hina kepada bahasa itu, dan saya sendiri yang berpendidikan Inggeris akhirnya menjadi profesor bahasa Melayu selepas mengenalinya," katanya.

Malahan, katanya, kini bahasa Melayu bukan saja menjadi bahasa rasmi kepada empat negara anggota Asean, tetapi turut dituturkan sesetengah penduduk di beberapa negara bukan rantau Nusantara.

"Pusat Pengajian Bahasa Melayu kini sudah ada di merata dunia. Antaranya di Beijing, Pusan, Moscow, Ohio dan New York, memudahkan lagi bahasa terbabit dipelajari orang bukan Melayu," ujarinya.

Sementara itu, Ketua Bahasa Penerbitan di Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Hashim Awang, turut menyokong pandangan Prof Ahmad Juhari.

"Pembentukan Pusat Pengajian Bahasa Melayu mahupun Pusat Pengajian Malaysia di universiti luar negara, menunjukkan bahasa terbabit sudah mendapat tempat di negara maju," jelasnya.

Prof Hashim berkata, peluang menyebarkan bahasa Melayu semakin terbuka dengan adanya rangkaian rumpun Melayu yang dipelopori Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) dan Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA).

"Malaysia boleh memperkenalkan bahasa Melayu sebagai satu agenda dalam program menyebarkan maklumat Koridor Raya Multimedia (MSC) di seberang laut," katanya.

Jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, boleh menonjolkan

ketokohnya dalam bidang ekonomi di seberang laut, katanya, mengapa tidak dalam bahasa Melayu.

(END)